



Ruj. Kami : JANM.JHR.100-9/2/5 (2)  
Tarikh : 18 April 2023  
17 Ramadhan 1444H

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB  
JABATAN PERSEKUTUAN NEGERI JOHOR**

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (*SECOND VALIDATION*) BAGI  
PEMBAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM PERSEKUTUAN SECARA  
BERPERINGKAT MENGIKUT BANK EMOLUMEN**

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran BPOPP Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 16 Mac 2023 serta surat kami no. rujukan JANM.JHR.100-9/2/5 (1) bertarikh 7 Februari 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan melaksanakan semakan tambahan (*second validation*) bermula dengan pembayaran emolumen Pegawai Awam Persekutuan mengikut bank secara berperingkat. Jadual pelaksanaan adalah seperti di **Lampiran 1** (tertakluk kepada sebarang pindaan). Inisiatif ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan akauntabiliti dan integriti proses pembayaran Kerajaan dan memastikan pembayaran disalurkan kepada penerima yang sebenar.

3. Sepertimana yang telah diperincikan dalam Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 8 April 2022, pengesahan tambahan berlaku di sistem bank penerima. **Pengesahan identiti penerima bayaran emolumen** akan dibuat berdasarkan kepada **nombor akaun bank pegawai awam Persekutuan dan nombor pendaftaran entiti (nombor Kad Pengenalan/ nombor pasport bagi bukan warganegara)** yang terdapat di dalam iGFMAS berbanding dengan sistem bank.

4. Justeru, **Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pegawai awam hendaklah memastikan perkara berikut agar pembayaran emolumen dapat dikreditkan ke akaun penerima dan tiada penolakan emolumen (*rejection*) :**

- i. **Nombor pendaftaran entiti** (nombor Kad Pengenalan/nombor pasport bagi bukan warganegara) pegawai awam Persekutuan yang terdapat di **iGFMAS dan sistem bank adalah sama**; dan
- ii. Penggunaan akaun- akaun berikut adalah tidak dibenarkan bagi pembayaran emolumen :
  - Akaun Bank Syarikat (Perniagaan Tunggal); dan
  - Akaun Bersama (*Joint Account*)

Ruj. Kami : JANM.JHR.100-9/2/5 (2)

ii. Penggunaan akaun-akaun berikut adalah **tidak dibenarkan** bagi pembayaran emolumen :

- Akaun Bank Syarikat (Perniagaan Tunggal); dan
- Akaun Bersama (*Joint Account*)

5. Pelaksanaan semakan tambahan bagi bayaran emolumen pegawai awam Persekutuan adalah seperti berikut :

#### 5.1 Tarikh Pelaksanaan

Pelaksanaan semakan tambahan (second validation) **pembayaran emolumen pegawai awam Persekutuan** melalui Modul HCM – Payroll mengikut bank bermula pada **pembayaran emolumen bulan Mei 2023**.

#### 5.2 Tatacara Pengendalian Penolakan Emolumen

Penolakan emolumen pegawai di bank berlaku di dua (2) kategori berikut:

- (a) **Penolakan Emolumen dan Dana Belum Dipulangkan Oleh Bank Ke Dalam Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan;**  
atau
- (b) **Penolakan Emolumen dan Dana Dipulangkan Ke Dalam Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan**

Tindakan PTJ selanjutnya mengikut situasi penolakan emolumen adalah seperti yang diperincikan di **Lampiran 2**.

**PTJ hendaklah membuat pemantauan rapi ke atas senarai pegawai yang terlibat dalam penolakan emolumen** untuk memastikan tindakan kemaskini data/ maklumat yang tidak tepat (pengemaskinian di bank atau iGFMAS) **diselesaikan SEGERA** sebelum pembayaran emolumen bulan berikutnya. Bagi tujuan ini, pemantauan dilaksanakan dengan **penyelenggaraan daftar penolakan emolumen** seperti panduan di **Lampiran 3**.

6. Penggantian penolakan emolumen melalui **Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (K6)** adalah dalam tempoh **empat (4) hari bekerja** dari tarikh dokumen sokongan lengkap diterima dari Pejabat Perakaunan (*situasi dana*

Ruj. Kami : JANM.JHR.100-9/2/5 (2)

dipulangkan oleh bank ke dalam Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan). Bagi tujuan ini, **Pejabat Perakaunan akan mengemas kini Penyata Saraan Daripada Penggajian (EC Form)** untuk melaraskan pendapatan bercukai yang dicaj dua (2) kali melalui HCM dan juga Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (K6). Pengemaskinian Borang EC ini akan dilaksanakan pada bulan berkenaan.

7. Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi pegawai Unit di bawah :

UNIT	TELEFON	EMAIL
Gaji	072249244/ 072239318	gaji_jhr@anm.gov.my
Pengurusan Dana		dana_jhr@anm.gov.my
Khidmat Pengurusan Pelanggan		ukpp_jhr@anm.gov.my
Pengurusan Prestasi		prestasi_jhr@anm.gov.my

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”***

**(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A.(M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Johor

*c/Suriyani/UPP/2<sup>nd</sup> Validation*